

C Pilih ayat yang betul.

- 1 Encik Chong telah habis menjual ikan-ikannya di pasar.
 - A Encik Chong telah ke pasar untuk menjual habis ikan-ikannya.
 - B Encik Chong telah dijual habis di pasar oleh ikan-ikannya.
 - C Ikan-ikan Encik Chong telah habis dijual di pasar.
 - D Encik Chong telah menjual ikan-ikannya habis di pasar.

- 2 Kelapa dikopek oleh ayah menggunakan parang Pak Cik Hon.
 - A Ayah menggunakan parang Pak Cik Hon untuk mengopek kelapa.
 - B Kelapa dikopek oleh Pak Cik Hon menggunakan parang ayah.
 - C Ayah dikopek oleh Pak Cik Hon menggunakan parangnya.
 - D Pak Cik Hon dikopek kelapa menggunakan parang ayah.

- 3 Lori itu telah melanggar tembok rumah Puan Jamie.
 - A Lori itu telah melanggar Puan Jamie dan tembok rumahnya.
 - B Lori Puan Jamie telah melanggar tembok rumahnya.
 - C Tembok rumah Puan Jamie telah dilanggar oleh lori itu.
 - D Tembok rumah dan Puan Jamie telah dilanggar oleh lorinya.

- 4 Sampah sarap itu akan kami tanam petang nanti.
 - A Kami akan ditanam sampah sarap petang nanti.
 - B Petang nanti sampah sarap menanam kami.
 - C Kami akan menanam sampah sarap itu petang nanti.
 - D Sampah sarap itu menanam kami petang nanti.

- 5 Encik Leong memberitahu kepada para pelancong bahawa tempat itu terkenal dengan tanaman lada hitam.
 - A Para pelancong diberitahu oleh Encik Leong bahawa lada hitam ditanam di sini.
 - B Para pelancong diberitahu oleh Encik Leong bahawa tempat itu terkenal dengan tanaman lada hitam.
 - C Para pelancong diberitahu oleh Encik Leong tentang cara-cara lada hitam ditanam.
 - D Semua pelancong telah diberikan keterangan tentang lada hitam yang terkenal di tempat itu.